

Bil. 13

Selasa

28 Mac 2017



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Papan Tanda Balai Polis Tanjung Tokong**
– *YB. Tuan Zairil Khir Johari (Bukit Bendera)* [Halaman 1]
- **Status Tidak Berjaya Terhadap Permohonan Berulang -
Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41**
– *YB. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)* [Halaman 3]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] – PBB

18. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO

23. Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO

55. Yang Berhormat Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jejebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]

21. Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]

31. Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nurul Atikah binti Basrudin
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 28 Mac 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Papan Tanda Balai Polis Tanjung Tokong

2.34 ptg.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sistem birokrasi dan pentadbiran negara seharusnya memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam penyampaian perkhidmatan awam. Namun begitu, pada kebanyakan masa, ia bukan sahaja tidak membantu malah merumitkan keadaan sehingga kebaikan am dikorbankan.

Izinkan saya membawa satu contoh ketidakcekapan sistem birokrasi negara yang memudaratkan. Pada bulan Mac tahun lepas, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menulis surat kepada Jurutera Daerah, JKR Daerah Timur Laut Pulau Pinang bagi mendapatkan kebenaran untuk mendirikan papan tanda arah ke balai polis di Jalan Tanjung Tokong dalam kawasan saya. Papan tanda ini amat penting ya kerana kedudukan Balai Polis Tanjung Tokong ini agak terlindung dari jalan utama dan tanpa papan tanda, ramai yang tidak maklum akan kedudukannya. Selalu berlaku perkara ini apabila orang hendak cari Balai Polis Tanjung Tokong, mereka tidak nampak sebab memang terlindung dan papan tanda yang ada pun dilindungi oleh pokok. Jadi, hal ini sudah tentu menyukarkan orang ramai yang mahu berurusan dengan balai polis, apatah lagi dalam hal-hal kecemasan.

Malangnya, permohonan rasmi MBPP ini tidak dibalas dan pegawai jabatan berkenaan hanya memaklumkan secara lisan bahawa mereka akan merujuk kepada Bahagian Selenggara Jalan Persekutuan. Kini setelah setahun permohonan tersebut, masih menunggu jawapan rasmi daripada Bahagian Selenggara Jalan Persekutuan. Jadi, isu ini sememangnya kelihatan remeh, hanya untuk mendirikan papan tanda jalan yang amat mudah. Namun, ia menampakkan satu masalah serius dalam sistem birokrasi dan federalisme negara kita. Ketidakcekapan pentadbiran Persekutuan dalam isu yang mudah ini telah menjejaskan kepentingan orang ramai. Keadaan ini sungguh malang dan sepatutnya boleh dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan sesetengah Menteri untuk merampas Pulau Pinang melalui cadangan untuk menjadikan negeri kami sebagai Wilayah Persekutuan, ada baiknya kerendah birokrasi akibat kepincangan amalan sistem federalisme diselesaikan terlebih dahulu. Seperti mana kerajaan sedia maklum, sistem federalisme berkisar pada agihan dan perkongsian kuasa antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan agar isu-isu yang bersifat tempatan dapat diuruskan dengan serta-merta dan lebih berkesan.

Secara lazimnya, Kerajaan Persekutuan menumpukan kepada isu-isu bersifat nasional, hubungan antarabangsa dan memastikan pembangunan dan keselamatan rakyat terjaga. Tidak rumit perkara ini, konsep ini. Akan tetapi, sistem di negara kita secara amalnya seolah-olah telah bertukar kepada sistem unitari, di mana kebanyakan isu mudah yang bersifat tempatan dirujuk dan dikendalikan oleh jabatan-jabatan Persekutuan. Contoh di sini adalah satu contoh yang amat jelas mengapa perlu isu papan tanda jalan dirujuk kepada jabatan Persekutuan, ia sepatutnya boleh dikendalikan oleh kerajaan tempatan.

Jadi, keadaan ini jelas tidak optimum, malah mendukacitakan apabila akhirnya penyampaian kepada rakyat terjejas. Maka, saya pohon mendapat kerjasama pihak kementerian untuk menyelesaikan isu yang amat mudah ini. Sekian. Terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Bukit Bendera, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan lokasi papan tanda tunjuk arah ke Balai Polis Tanjung Tokong yang dimaksudkan itu terletak di Jalan Persekutuan iaitu FT06: Jalan Tanjung Tokong.

Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengemukakan permohonan kebenaran memasang papan tanda ke Balai Polis Tanjung Tokong pada 23 Mac 2016 untuk pertimbangan dan kelulusan Jurutera Daerah, JKR Daerah Timur Laut. Lanjutan itu, JKR Daerah Timur Laut telah melaksanakan siasatan terhadap permohonan MBPP dan tiada halangan terhadap permohonan pemasangan papan tanda tersebut dengan syarat ia mematuhi Arahan Teknik Jalan JKR. Surat jawapan tersebut telah dikemukakan Yang Berhormat, kepada MBPP pada 5 April 2016 iaitu kurang dari tempoh 14 hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jurutera Daerah telah diwakilkan kuasa oleh Menteri Kerja Raya untuk kelulusan permohonan bagi mendirikan papan tanda arah di Jalan Persekutuan. Oleh yang demikian, JKR Daerah Timur Laut telah memberi kelulusan kepada pihak MBPP bagi pemasangan papan tanda tersebut dalam tempoh 14 hari. Oleh itu, tidak timbul soal ketidakcekapan dan kerenah birokrasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa isu yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat ini mungkin isu remeh sebagaimana yang disebutkan sendiri oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapan iaitu berkenaan menaikkan papan tanda. Ia bertambah remeh apabila Ahli Yang Berhormat tidak membuat kerja rumah atau *homework* dengan izin, tentang hal ini.

Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara perkongsian dan agihan kuasa antara Persekutuan dan negeri dalam sistem federalisme yang kita amalkan ini.

■1440

Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak mengetahui bahawa semua perjawatan di JKR Negeri dan JKR Daerah adalah di bawah urus tadbir kerajaan negeri termasuk emolumen dan kecekapan pengurusannya. Sehubungan itu, saya berpandangan bahawa Ahli Yang Berhormat tidak mendapat maklumat yang tepat daripada pihak yang berkenaan atau membuat tuduhan secara melulu tanpa memeriksa fakta yang betul. Ahli Yang Berhormat sebenarnya mempunyai pelbagai saluran untuk mengemukakan aduan kepada pihak kementerian sama ada melalui *SMS/WhatsApp* kepada anggota pentadbiran iaitu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya atau saya sendiri atau melalui media sosial seperti *FB, Twitter*, juga boleh menggunakan aplikasi "*Aduan Jalan 2.0 KKR*" yang boleh dimuat turun melalui *android*.

Akhir sekali, saya merasa kesal atas salah faham yang timbul di pihak Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini. Untuk masa akan datang, Ahli Yang Berhormat dimohon supaya lebih berhati-hati sebelum mengemukakan usul sebegini bagi tujuan menjimatkan masa perjalanan Dewan. Namun begitu, kementerian ini sentiasa bersikap terbuka dan bersedia mendengar sebarang cadangan, pandangan dan teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat melalui perundingan dan perbincangan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Status Tidak Berjaya Terhadap Permohonan Berulang –
Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41**

2.42 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk melihat kes melibatkan Cik Wong Wang Yuen (KP: 850526-13-5550) yang telah banyak kali memohon untuk menjadi guru di sekolah kerajaan tetapi tidak berjaya. Pada tahun 2010, selepas berjaya mendapatkan Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Cik Wong telah memohon melalui portal *JobsMalaysia* dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 yang merupakan jawapan guru bagi graduan baru, tetapi beliau tidak dilantik ke jawatan tersebut. Dia kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana (*master*) dalam Matematik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan berjaya menamatkan pendidikannya pada 2013. Selepas itu, setiap tahun beliau memohon sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 tetapi masih gagal.

Pada Februari 2017, terdapat kekurangan 64 guru Matematik di sekolah-sekolah menengah di Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri telah memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk menghantar guru-guru matematik ke Sarawak. Sebagai pemegang sarjana dalam Matematik, Cik Wong ini lebih layak untuk menjadi guru matematik di sekolah menengah tetapi permohonannya masih ditolak walaupun terdapat kekurangan guru di Sarawak. Soalan yang saya ingin bangkitkan ialah:

- (i) kenapa Cik Wong tidak diambil sebagai guru Matematik walaupun memiliki sarjana dalam bidang itu dari universiti awam iaitu UPSI;
- (ii) mengapa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak melantik guru bukan rakyat Sarawak untuk mengajar di Sarawak yang akan melibatkan lebih banyak kos dibelanjakan oleh kerajaan berbanding rakyat Sarawak yang memiliki kelayakan yang sama; dan
- (iii) bukankah dasar kerajaan negeri untuk memberi peluang kepada rakyat tempatan mengisi kekosongan jawatan guru tersebut.

Saya juga menggesa Menteri Pendidikan supaya berlaku adil kepada Cik Wong yang telah mengorbankan banyak masa dan wang ringgit untuk memperoleh segulung ijazah dan sarjana dalam bidang pendidikan demi memenuhi impiannya untuk berkhidmat sebagai guru di sekolah kerajaan. Tambahan pula, sarjana yang diperolehnya adalah daripada universiti awam. Demi keadilan, Cik Wong perlu diambil sebagai guru. Sekian. Terima kasih.

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kes Cik Wong Wang Yuen yang telah banyak kali memohon untuk menjadi guru di sekolah kerajaan, tetapi tidak berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menggariskan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan dengan menandatangani syarat kemasukan guru mulai 2013 supaya terdiri daripada kalangan graduan 30 peratus ke atas. Profesion keguruan akan menjadi lebih berprestij dan elit apabila pengambilan dibuat hanya dalam kalangan graduan 30 peratus terbaik dalam negara.

Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa kualiti guru merupakan faktor berasaskan sekolah yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid.

Sehubungan dengan itu, pada masa kini, hanya calon terbaik dan yang memenuhi syarat pengambilan guru melalui tapisan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) yang di bawah Jabatan Perdana Menteri akan ditemu duga dan dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dasar semasa Kementerian Pendidikan Malaysia dalam urusan pengambilan guru baharu adalah dengan memberi keutamaan kepada graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti awam keluaran semasa, khususnya yang diberi tajaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Calon yang mempunyai kelayakan yang ditetapkan akan dipanggil ditemu duga oleh SPP berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi jawatan PPP, calon-calon yang dipanggil temu duga adalah terdiri daripada graduan IPGM dan universiti awam. Semua graduan keluaran IPGM dan universiti awam perlu memohon melalui portal *JobsMalaysia* bagi tujuan temu duga.

Dari segi dasar pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, calon-calon yang boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan perlu memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan seperti diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013– Penggabungan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan, Cik Wong Wang Yuen telah membuat permohonan bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di portal *JobsMalaysia* dan mengemaskini data tersebut sebanyak lima kali sepanjang tahun 2015 dan tahun 2016 dengan terakhir pada 18 April 2016. Tarikh ini sangat bercanggah dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengatakan Cik Wong membuat permohonan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 menerusi *JobsMalaysia* dan SPP pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cik Wong Wang Yuen tidak dipanggil untuk urusan temu duga bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan SPP kerana SPP mendapati ijazah sarjana yang beliau peroleh tidak memenuhi dasar seperti ditetapkan di dalam surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 40/ Tahun 2013. Pemohon telah tidak mempunyai kelayakan ikhtisas untuk dipanggil temu duga seperti syarat-syarat pengambilan guru. Pemohon hanya mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian Pengkhususan Matematik dan tidak mempunyai kelulusan ikhtisas iaitu Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Tambahan pula, kerajaan juga tidak terikat untuk mengambil graduan lulusan UNITAR ataupun institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) untuk dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Oleh yang demikian Yang Berhormat, jelas di sini bahawa Menteri Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah melakukan sebarang ketidakadilan terhadap semua calon dalam urusan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan termasuklah Cik Wong Wang Yuen seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Pemberian Empowerment 90:10 di negeri Sarawak, beberapa tindakan telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mencapai sasaran tersebut pada tahun 2018: di antara cara-cara adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan penempatan guru baharu dan pertukaran guru sedia ada atas kepentingan perkhidmatan;
- (ii) pengambilan pelajar Fakulti Pendidikan dalam kalangan pelajar kelahiran Sabah dan Sarawak di Universiti Awam; dan
- (iii) pengambilan guru baharu kelahiran Sabah dan Sarawak secara pasaran terbuka ataupun *open market* dengan izin. Pelantikan guru baharu dalam kalangan calon *open market* masih tertakluk kepada syarat skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sedia berkuat kuasa.

Pada masa ini, bagi kekosongan jawatan yang tidak dapat ditampung oleh bekalan graduan pendidikan dari IPGM dan Universiti Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelantikan pengajar secara interim dalam kalangan graduan Pendidikan *open market* iaitu daripada IPTS yang berasal dari Sarawak sehingga 17 Mac 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah melantik sejumlah 664 pengajar interim yang terdiri dalam kalangan graduan pendidikan universiti awam dan *open market* berasal dari negeri Sarawak. SPP telah melaksanakan urusan temu duga pelantikan tetap ke atas calon-calon yang telah memenuhi syarat skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Daripada jumlah tersebut, 396 pengajar interim telah lulus temu duga dan telah diperakui pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 oleh SPP, manakala calon yang gagal akan diberikan peluang bagi menghadiri temu duga kali kedua dengan memberikan lanjutan kepada tempoh perkhidmatan interim mereka sehingga 30 Jun 2017.

Dalam hal ini, semakan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak mendapati Cik Wong Wang Yuen tidak pernah mendaftar dan memohon sebagai guru interim di Sarawak. Dalam tempoh tahun 2015 hingga tahun 2016 tersebut, Cik Wong Wang Yuen tidak pernah membuat semakan atau berbincang dengan SPP untuk mencari jalan penyelesaian berkaitan isu yang beliau hadapi. Jika beliau berbincang dengan SPP, beliau boleh dinasihatkan membuat permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk dipertimbangkan sebagai tenaga pengajar interim yang dibuka kepada graduan Institusi Pengajian Tinggi Swasta kelahiran negeri Sarawak sebagai salah satu langkah mencapai sasaran 90 peratus guru yang ditempatkan di negeri Sarawak terdiri dari anak tempatan menjelang tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, isu kekurangan guru Matematik di sekolah-sekolah menengah di Sarawak pada Februari 2017 seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat adalah tidak tepat sama sekali. Data Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa sehingga Mac 2017, keperluan guru Matematik di Sarawak adalah seramai 1,373 orang. Pengisian guru siswazah adalah seramai 1,523 orang dan bukan siswazah adalah 114 orang. Oleh itu, jumlah pengisian guru Matematik adalah seramai 1,637 orang dan jumlah ini memenuhi keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, Ahli Yang Berhormat hendaklah mendapatkan maklumat yang tepat sebelum melemparkan apa-apa tohmahan atau tuduhan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan kerajaan.

Sebagai rumusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil berat tentang pengisian kekosongan guru-guru di seluruh negara serta memastikan hanya guru yang cemerlang dan berkualiti diserap masuk atau dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Kerajaan sentiasa berlaku adil kepada pemohon atau calon yang berminat menjadi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di semua sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk di Sarawak dengan syarat, pemohon atau calon tersebut mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan berdasarkan pekeliling sedia ada. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak boleh berkompromi dengan syarat kelayakan calon guru bagi memastikan profesion guru terus berkualiti dan menjadi pemangkin melahirkan modal insan yang cemerlang di masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 29 Mac 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]